

LEMBARAN MAKLUMAT PRODUK Sila baca Lembaran Maklumat Produk ini sebelum memohon Kad Debit/Prabayar BIBD dan izinkan pihak kami menerangkan kepada awda sekiranya awda memerlukan apa-apa penjelasan. Sila baca juga Pengakuan dan Kebenaran dan Terma dan Syarat Kad Debit/Prabayar BIBD.		BANK ISLAM BRUNEI DARUSSALAM KAD DEBIT / KAD PRABAYAR MAYA			
1. Apakah produk ini?					
<p>Kad Debit BIBD merupakan produk inovatif yang membolehkan awda untuk membayar, mengakses dan menikmati kemudahan ATM digabungkan dengan kebolehterimaan Mastercard di peringkat antarabangsa. ‘Lebih Bijak Dari Wang Tunai’, Kad Debit BIBD membolehkan awda membuat pembayaran terus dari Akaun Simpanan atau Semasa BIBD awda. Ia juga boleh digunakan untuk mengeluarkan wang tunai dari lebih 2.3 juta ATM di seluruh dunia yang memaparkan logo Mastercard dan Cirrus. Bergantung kepada kelayakan awda, BIBD ada pelbagai jenis kad debit:</p> <ol style="list-style-type: none"> <i>BIBD Debit Mastercard</i> <i>BIBD World Debit Mastercard</i> <p>Kad Prabayar Maya BIBD ialah alat pembayaran tambahan yang ditawarkan oleh BIBD yang mana tersedia secara maya di dalam <i>BIBD NEXGEN Wallet</i>. Ia membawa kemudahan penerimaan Mastercard dan membolehkan awda untuk membuat pembayaran sehingga jumlah yang di pramuatkan, oleh itu mengawal pendedahan dana. Lanya boleh digunakan untuk mengeluarkan wang tunai dari mana-mana 60 ATM BIBD terdapat di seluruh negara. Pada masa ini, BIBD menawarkan satu (1) jenis Kad Prabayar iaitu <i>BIBD Virtual Prepaid Mastercard (vCard)</i>.</p>					
2. Apakah konsep Syariah untuk produk ini?					
Produk ini menggunakan konsep Al-Wakalah bil Ujrah (perwakilan dengan upah) yang mana Bank bertindak bagi pihak Pemegang Kad untuk mentadbir segala pembayaran Pemegang Kad kepada Peniaga melalui MasterCard bagi penggunaan tanda niaga MasterCard dan pengurusan Akaun Kad dengan yuran yang ditetapkan.					
3. Siapakah yang boleh memohon?					
Pelanggan yang berminat untuk memohon Kad Debit / Prabayar BIBD mesti memenuhi kriteria di bawah: <ul style="list-style-type: none"> Berumur 15 tahun atau ke atas; dan Mengekalkan Akaun Simpanan atau Semasa BIBD. 					
4. Apakah yang perlu saya lakukan setelah mendapat produk ini?					
Mengaktifkan fungsi e-Dagang		Awda ada pilihan sama ada mengaktifkan atau menutup fungsi e-Dagang awda pada bila-bila masa dengan menghubungi Pusat Perhubungan BIBD atau bersembang dengan salah seorang ejen melalui <i>BIBD NEXGEN Wallet</i> .			
5. Apakah terma dan syarat utama yang perlu saya ketahui?					
Sekatan ke atas Penggunaan Kad		Tidak dibenarkan untuk menggunakan Kad Debit / Kad Prabayar Maya BIBD bagi pembayaran yang berkaitan dengan aktiviti, barangan dan/atau perkhidmatan yang dilarang oleh prinsip-prinsip Syariah termasuk tetapi tidak terhad kepada kedai/kafe yang menjual arak, kelab malam, servis <i>escort</i> atau <i>dating</i> atau mana-mana transaksi perjudian.			
6. Apakah yuran dan caj yang perlu saya bayar?					
Yuran dan Caj		Kad Debit		vCard	
Yuran Tahunan		Percuma		Percuma	

Pengeluaran Wang Tunai: <ul style="list-style-type: none"> ATM BIBD Bukan ATM BIBD (tempatan dan luar negara) Pemindahan Wang Bukan Fizikal Dalam Talian 	Percuma B\$6 setiap pengeluaran B\$6 setiap pengeluaran	Percuma N/A N/A
Penggantian Kad	B\$15	Percuma
Penggantian PIN	Percuma	Percuma
Pengendalian Pertikaian	B\$5 setiap transaksi	B\$5 setiap transaksi
Yuran Tambahan Matawang Asing	2% daripada jumlah transaksi	2% daripada jumlah transaksi
Penghantaran Kad: <ul style="list-style-type: none"> Di dalam negara Di luar negara 	Percuma Kadar perkhidmatan penghantaran semasa	N/A N/A
Akses Ruang Istirahat (untuk World Debit Mastercard sahaja)	B\$35 bagi setiap orang dan setiap lawatan	N/A

Bagi Yuran dan Caj lain, sila rujuk Jadual Tarif Bank yang boleh didapati di mana-mana cawangan dan di siarkan di laman web kami (www.bibd.com.bn).

7. Apakah had transaksi yang dikenakan?

Transaksi	Debit Mastercard	Debit Platinum Mastercard	World Debit Mastercard
Pengeluaran Wang Tunai Maksimum melalui ATM	B\$3,000 atau 5 kali sehari, yang mana lebih terdahulu	B\$6,000 atau 5 kali sehari, yang mana lebih terdahulu	B\$20,000 atau 5 kali sehari, yang mana lebih terdahulu
Pembelian Runcit Maksimum melalui Tempat Jualan (On-site & Online) *	B\$3,000 atau 10 kali sehari, yang mana lebih terdahulu	B\$6,000 atau 10 kali sehari, yang mana lebih terdahulu	B\$30,000 atau 10 kali sehari, yang mana lebih terdahulu**

* Transaksi tanpa sentuhan di dalam Brunei dengan memakai POS terminal BIBD dihadkan pada B\$100 setiap transaksi dengan had B\$1,000 sehari. Penerima, negara dan rantau lain mungkin mempunyai had lain mengikut yang ditetapkan oleh penyedia Skim Kad atau peraturan negara.

** Transaksi dalam talian di dalam Brunei dihadkan pada B\$50,000 setiap transaksi dengan had B\$100,000 sehari.

Transaksi	vCard
Pengeluaran Tanpa Kad melalui ATM BIBD	Had Transaksi Harian B\$1,500 atau 5 kali sehari, yang mana lebih terdahulu
Pembelian: <ul style="list-style-type: none"> Dalam Talian / eDagang QuickPay 	Had Transaksi Harian B\$3,000 atau 10 kali sehari, yang mana lebih terdahulu Had Transaksi Harian B\$2,000 atau 10 kali sehari, yang mana lebih terdahulu
Pemindahan Dana	Had Transaksi Harian B\$5,000 atau 10 kali sehari, yang mana lebih terdahulu

8. Bagaimana jika saya gagal melaksanakan tanggungjawab saya?

Akaun Terlebih Pengeluaran	Pihak Bank akan menuntut pembayaran untuk melaraskan mana-mana/semua jumlah yang terlebih keluar. Kegagalan, keengganan dan/atau kecuaiannya dalam mengekalkan baki yang cukup di dalam akaun akan mengakibatkan pihak Bank untuk menyekat Akaun Kad atau penggunaan mana-mana kad.
-----------------------------------	---

Hak Menggabung, Penolakan atau Penyatuan	Bank mempunyai hak menggabung, menolak atau menyatukan mana-mana baki dalam akaun BIBD lain awda bagi tujuan pembayaran penuh atau separa kepada baki tertunggak Kad Debit awda pada bila-bila masa dan tanpa notis.
Liabiliti ke atas Transaksi Tanpa Kebenaran	Awda bertanggungjawab ke atas sebarang/kesemua transaksi yang tidak dibenarkan yang telah ditanggung sehingga/ kecuali Bank dimaklumkan dan melaksanakan perintah “berhenti” pada Kad Debit dan jika transaksi tidak dibenarkan tersebut adalah tindakan Pemegang Kad sendiri.
9. Apakah risiko-risiko utama?	
<p>Sekiranya berlaku sebarang:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Kehilangan atau kecurian Kad Debit, awda boleh melakukan penyekatan segera kepada Kad Debit melalui <i>BIBD NEXGEN Wallet</i> atau melalui <i>BIBD Online</i> dan awda hendaklah melaporkan kepada pihak Bank dengan segera. • Untuk membuat laporan, awda boleh bersembang dengan ejen Pusat Perhubungan kami melalui BIBD NEXGEN Wallet atau dengan menghubungi Pusat Perhubungan 24 jam kami: <ul style="list-style-type: none"> • Pusat Perhubungan BIBD di talian 2238181; atau • Pusat Perhubungan Perdana di talian 2236688 • Percanggahan yang ditemui dalam penyata awda, sila laporkan pertikaian secara bertulis dalam 14 hari dari tarikh penyata kepada kami untuk penyiasatan dan penyelesaian. 	
10. Apakah dokumen-dokumen yang perlu saya hadapkan?	
<p>Untuk Kad Debit Salinan asal Kad pengenalan atau pasport; dan</p> <p>Kad Pra-bayar Maya Untuk pengguna <i>BIBD NEXGEN Wallet</i>, vCard BIBD boleh diaktifkan tanpa memerlukan sebarang dokumen.</p>	
11. Apa perlu saya lakukan jika terdapat sebarang perubahan pada butiran untuk menghubungi saya?	
<p>Sekiranya terdapat sebarang perubahan pada butiran untuk menghubungi awda, seperti alamat atau nombor telefon, sila kunjungi cawangan BIBD kami dan lengkapkan Borang Kemaskini Keterangan Peribadi (PPU).</p> <p>Adalah penting untuk awda memaklumkan kepada kami tentang sebarang perubahan dalam butir-butir untuk menghubungi awda bagi memastikan agar segala urusan surat-menyurat sampai kepada awda tepat pada masanya.</p>	
12. Di manakah saya boleh mendapatkan bantuan dan remedi?	
<p>Jika awda memerlukan bantuan dengan produk ini, awda boleh emel kepada Unit Central Resolusi Pelanggan kami di customer.resolution@bibd.com.bn atau hubungi Pusat Perhubungan kami di talian 2238181.</p> <p>Aduan juga boleh dialamatkan kepada:</p> <p>Unit Central Resolusi Pelanggan Tingkat 6, BIBD Headquarters, Lot 159, Jalan Pemancha, Bandar Seri Begawan BS8711</p>	

Jika awda tidak berpuas hati dengan keputusan resolusi kami terhadap pertanyaan atau aduan awda, awda boleh menghubungi *Financial Consumer Issues* di Autoriti Monetari Brunei Darussalam melalui:

Autoriti Monetari Brunei Darussalam
Level 7, Financial Consumer Issues,
Autoriti Monetari Brunei Darussalam,
Ministry of Finance and Economy Building
Commonwealth Drive
Bandar Seri Begawan
Emel: fci@ambd.gov.bn
No. Telefon: 2380007

13. Di manakah saya boleh mendapatkan maklumat lanjut?

Sila kunjungi laman web kami di www.bibd.com.bn atau hubungi Pusat Perhubungan BIBD yang tersedia 24 jam sehari, 7 hari seminggu di talian 2238181.

Awda juga boleh mengunjungi Pusat Pembiayaan kami di Cawangan Kiulap atau di mana-mana Cawangan Pembiayaan kami di:

- Cawangan Ibu Pejabat BIBD
- Cawangan Rimba
- Cawangan Manggis
- Cawangan Mentiri
- Cawangan Tanjung Bunut
- Cawangan Tutong
- Cawangan Seria
- Cawangan Panaga
- Cawangan Kuala Belait
- Cawangan Serusop

14. Adakah terdapat kemudahan / produk yang sama?

Ya. Sila rujuk kepada Perkara No. 1 di dalam dokumen ini.

Saya dengan ini mengesahkan telah menjelaskan Lembaran Maklumat Produk (PDS) kepada Pelanggan dalam bahasa pilihan mereka.

Nama:

No Staff ID BIBD:

Tarikh:

Saya dengan ini mengesahkan telah memahami penjelasan dan isi kandungan dalam lembaran maklumat produk (PDS) yang diberikan dalam bahasa pilihan saya.

Nama:

IC No:

Tarikh:

Kandungan di dalam Lembaran Maklumat Produk adalah disediakan pada 21/01/2020.